

27 FEB 1998

Pelaburan

GENTING DAN RESORTS WORLD NILAI CADANGAN PELABURAN

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Genting Bhd dan Resorts World Bhd yang hari ini mengumumkan bahawa dari semasa ke semasa mereka menilai pelbagai cadangan pelaburan berdasarkan kriteria pelaburan komersil.

Dalam kenyataan dua perenggan yang berasingan tetapi mempunyai kandungan serupa kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) petang ini, kedua-dua syarikat itu berkata bahawa pada ketika ini, tiada satupun cadangan pelaburan itu telah diputuskan.

Kedua-duanya akan membuat pengumuman apabila keputusan dibuat mengenai pelaburan itu.

Kenyataan Genting dikeluarkan oleh pengarahnya Tan Sri Mohd Amin Osman manakala kenyataan Resorts World oleh pengarah eksekutifnya Tan Sri Alwi Jantan.

Kenyataan-kenyataan ini dikeluarkan ekoran langkah kerajaan membenarkan syarikat bukan Bumiputera membeli ekuiti dalam syarikat Bumiputera yang terjejas teruk oleh kelembapan ekonomi.

Sejak cadangan itu diumumkan oleh Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin dua hari lepas, terdapat spekulasi bahawa syarikat yang mempunyai banyak wang tunai seperti kumpulan Genting mungkin membuat pembelian tersebut.

Ketika menghuraikan keputusan kerajaan itu kemudiannya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu bagi membantu syarikat Bumiputera yang terbabit kerana, jika tidak, mereka akan "hancur".

Mekanisme bagi melaksanakan keputusan kerajaan itu masih dalam kajian.

Saham-saham dalam Genting dan Resorts World, kedua-duanya kaunter Papan Utama, diniagakan dengan cergas sepanjang minggu.

Genting susut 10 sen kepada RM12.20 di BSKL hari ini manakala Resorts World meningkat 30 sen kepada RM8.00.

BSKL juga mencatat kenaikan pada pertengahan minggu apabila berita bahawa syarikat-syarikat bukan Bumiputera akan dibenarkan membeli saham-saham dalam syarikat Bumiputera meresap ke dalam pasaran.

Genting ialah antara segelintir syarikat bernilai bilion ringgit, dan telah mencatat keuntungan sebelum cukai kumpulan berjumlah RM1,542.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis 1997, naik 22 peratus dari tahun sebelumnya, manakala jumlah dagangan meningkat 47 peratus kepada RM3,822 juta.

Kumpulan itu terbabit dalam operasi perjudian, hotel dan kegiatan berkaitan riadah, perladangan, pembangunan harta, pembekalan kemudahan, pembuatan dan dagangan kertas dan barangan berkaitan kertas serta penjanaan dan pembekalan tenaga elektrik.

Resorts World, anak syarikat 54.9 peratus milik Genting, melaporkan peningkatan 36 peratus dalam keuntungan sebelum cukai kumpulan kepada RM1,090 juta bagi tahun 1997 berbanding RM802.9 juta manakala jumlah dagangan bertambah 44 peratus kepada RM3,038 juta daripada RM2,105 juta.

Ia terbabit dalam kegiatan pusat peranginan di Genting Highlands serta menceburi pembangunan harta, pusat istirehat golf, kondotel dan hotel, pegangan pelaburan, pembekalan kemudahan, perkhidmatan berkaitan pelancongan, pelaburan harta, pengurusan harta dan penjualan dan penyewaan pangsapuri. -- BERNAMA

SJ KY MA